

24.4.2026  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## **MAKLUMAN BEKALAN AIR PULAU PINANG: PARAS SUNGAI MUDA SUSUT KE “PARAS BAHAYA” 1.27M DI LAHAR TIANG SEMALAM**

- **Abstraksi air mentah PBAPP dihadkan kepada kira-kira 1,000 JLH dari Sungai ini bermula 4.30 petang pada 23.4.2026 (semalam). Abstraksi normal: 1,300 JLH.**
- **Pelan Kontingensi Sungai Muda (SMCP) PBAPP diaktifkan: pelepasan 300 JLH dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) bagi memastikan bekalan air mentah mencukupi ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.**
- **Tiada gangguan bekalan air kepada 465,000 pengguna di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua buat masa ini.**

PULAU PINANG, Jumaat, 24.4.2026: PBAPP bertindak segera susulan penyusutan paras Sungai Muda semalam bagi mengelakkan gangguan bekalan air di Pulau Pinang.

Pada kira-kira 4.30 petang, 23.3.2026, paras air sungai susut kepada 1.27m di muka sauk Lahar Tiang, Pulau Pinang. “Paras selamat” ialah 2.0m.

Dalam keadaan normal, PBAPP mengabstrak kira-kira 1,300 juta liter sehari (JLH) air mentah dari Sungai Muda untuk digunakan di LRA Sungai Dua. Bermula 4.30 petang semalam, kapasiti abstraksi PBAPP dihadkan kepada 1,000 JLH, iaitu 30% lebih rendah daripada paras normal akibat paras sungai yang luar biasa rendah.

Selaras dengan Pelan Kontingensi Sungai Muda (SMCP), PBAPP segera mula melepaskan air dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) bagi menampung bekalan air mentah ke LRA Sungai Dua.

LRA Sungai Dua merupakan loji rawatan air terbesar dan terpenting di Pulau Pinang. Ia menghasilkan purata 1,100 JLH air terawat yang dibekalkan kepada pengguna di semua 5 daerah di negeri ini.

Ringkasnya, pengaktifan SMCP semalam berjaya mengelakkan isu bekalan air di Pulau Pinang yang berpotensi menjejaskan pengguna di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS), Daerah Barat Daya

(DBD) dan Daerah Timur Laut (DTL)

### **Kemungkinan punca**

Punca kejadian ini berkemungkinan adalah pelepasan air untuk pengairan di Kedah, di bahagian hulu muka sauk Lahar Tiang.

PBAPP tidak dimaklumkan mengenai langkah ini terlebih dahulu.

Sehingga 23.4.2026, kapasiti Empangan Beris (yang melepaskan air ke sistem Sungai Muda) adalah 49.6%. Kadar pelepasannya dilaporkan sebanyak 864 JLH.

Pada kadar 864 JLH ini, baki simpanan Empangan Beris mungkin bertahan selama 70 hari sebelum mencapai paras kritikal 20%.

Satu lagi empangan utama yang dibina untuk melepaskan air ke sistem Sungai Muda ialah Empangan Muda. Simpanan Empangan Muda telah susut kepada 9.5% (sehingga 23.4.2026). Empangan ini mungkin tidak dapat melepaskan lebih banyak air ke dalam sistem Sungai Muda buat masa ini.

### **Campur Tangan SPAN & PETRA Diperlukan**

PBAPP ingin memohon agar SPAN dan PETRA campur tangan segera dalam pengurusan sistem Sungai Muda pada masa ini.

Keselamatan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang dan Kedah mesti diberi keutamaan berbanding urusan pengairan dalam keadaan semasa.

Tanpa jumlah hujan yang besar, Empangan Beris dan Empangan Muda mungkin tidak dapat diisi semula untuk menyokong sistem Sungai Muda.

Sungai Muda merupakan satu-satunya sumber utama air mentah bagi Pulau Pinang. Jika PBAPP tidak dapat mengabstrak air mentah dari sungai ini setiap hari, gangguan bekalan air berskala besar di seluruh negeri akan berlaku dan menjejaskan 465,000 pengguna air termasuk kilang dan hotel.

Selain itu, terdapat 10 LRA di Kedah yang turut bergantung kepada pelepasan air mentah dari Empangan Beris, di hulu muka sauk Lahar Tiang di Pulau Pinang.

### **Tindakan PBAPP**

Di pihaknya, PBAPP akan mematuhi protokol SMCP untuk mengambil sebanyak mungkin air mentah dari Sungai Muda dan menampung kekurangan dengan pelepasan simpanan dari EMD.

Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa kapasiti maksimum pelepasan EMD pada masa ini ialah 600 JLH.

LRA Sungai Dua memerlukan kira-kira 1,300 JLH air mentah setiap hari untuk menghasilkan air terawat yang mencukupi bagi kawasan perkhidmatannya.

Dengan kata lain, PBAPP akan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik di Pulau Pinang dalam keadaan semasa, namun keupayaan ini terhad oleh kapasiti maksimum pelepasan EMD.

Sehubungan itu, PBAPP merayu kepada SPAN dan PETRA untuk mengambil tindakan segera dan menghadkan pelepasan air untuk pengairan dari sistem Sungai Muda pada masa ini. Kelangsungan bekalan air yang baik kepada rakyat mesti menjadi keutamaan tertinggi sehingga hujan turun untuk mengisi semula Empangan Beris dan Empangan Muda.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)